



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 17/2020 dari 19 April hingga 25 April 2020)

Situasi kes Demam Denggi telah menunjukkan tren peningkatan bermula pertengahan bulan April iaitu sejak 2 minggu yang lepas. Pada minggu ke-17 sebanyak 1,301 kes dengan satu (1) kematian dilaporkan berbanding 1,172 kes dengan tiga (3) kematian dilaporkan pada minggu sebelumnya. Walaupun terdapat peningkatan kes sehingga 11.0%, namun jumlah kematian Demam Denggi berkurang pada minggu ke-17 berbanding minggu sebelumnya. Jumlah kes kematian semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan dan sehingga kini juga berkurang sebanyak 60.9% berbanding sebelum PKP dilaksanakan. Sehingga kini kumulatif kes Demam Denggi adalah sebanyak 39,002 kes berbanding 43,065 kes bagi tempoh sama tahun 2019 (penurunan 9.4%) manakala kumulatif kematian adalah sebanyak 64 kematian berbanding 67 kematian bagi tempoh sama tahun 2019 iaitu penurunan sebanyak 3 kematian (4.5%) **(Lampiran A & C)**.

Walaupun tren kes mingguan Demam Denggi meningkat sejak dua (2) minggu kebelakangan, namun ianya masih rendah dan berada di bawah graf kes mingguan Demam Denggi tahun 2019 serta kes median untuk 5 tahun bagi 2015 hingga 2019 **(Lampiran B)**. Lokaliti hotspot yang dilaporkan juga berkurang sebanyak 8% dengan sebanyak 61 lokaliti hotspot pada minggu ke-17 berbanding 66 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Sebanyak 75.4% atau 46 lokaliti hotspot dari keseluruhan 61 lokaliti hotspot berada di negeri Selangor, diikuti 6 lokaliti hotspot (9.8%) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan

Putrajaya, 3 lokaliti hotspot di Perak (4.9%), masing-masing 2 lokaliti hotspot di Negeri Sembilan dan Sabah (3.3%) serta masing-masing 1 lokaliti hotspot di Johor dan Melaka (1.6%) (**Lampiran B & D**).

Jangkitan Chikungunya melaporkan 13 kes kesemuanya dari negeri Perak iaitu di lokaliti Taman Kinta dan Kampung Baru Jeram yang terletak di daerah Kampar, Perak. Sehingga kini, jumlah kumulatif kes Chikungunya adalah sebanyak 430 (**Lampiran E**). Bagi surveilans Zika, sebanyak 627 sampel darah dan 9 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan kesemuanya adalah negatif Zika.


Bagi perkembangan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terkini, terdapat beberapa sektor tambahan telah dibenarkan beroperasi semula dalam tempoh ini. Oleh kerana banyak bangunan atau ruang bekerja yang lama ditinggalkan dan kemungkinan terdapat pembiakan *Aedes* seperti di lubang tandas, kolah atau bekas yang menampung air, maka semua pemilik premis atau majikan perlu memastikan pejabat atau ruang bekerja adalah bebas dari pembiakan nyamuk *Aedes*. KKM menyarankan aktiviti berikut dilakukan :

- i) Semburan aerosol di bilik dan ruang kerja 30 minit sebelum pekerja memasuki ruang bekerja atau bilik.
- ii) Meletakkan bahan pembunuh jentik-jentik atau *larvaciding* di tempat atau bekas yang menampung air seperti lubang tandas, tangki pam tandas, kolah dan sebagainya dengan segera serta berkala.


Disamping itu, pihak pengurusan premis pejabat atau kontraktor pembersihan yang dilantik perlu terus melakukan aktiviti pembersihan dan mencari serta memusnahkan bekas-bekas berpotensi pembiakan *Aedes*.

Pihak pengurusan pejabat juga perlu memastikan semua pekerja adalah sihat dan tidak mengalami gejala Demam Denggi seperti demam, sakit kepala, sakit sendi dan sebagainya sewaktu di tempat kerja. Pekerja yang menunjukkan gejala ini perlu segera mendapatkan rawatan awal walaupun berada dalam tempoh PKP kerana kelewatan mendapatkan rawatan boleh


mengancam nyawa. Jangan alpa dan leka, Aedes tidak mengenal mangsa.
Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.




DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
5 Mei 2020




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke-16 dan ke-17 tahun 2020



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke-17 tahun 2020 dan tempoh sama tahun 2019



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2020, 2019 dan Median 2015-2019



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-17 tahun 2020

**KES DEMAM DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 17/2020
(19 April hingga 25 April 2020)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 17/2020		Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 17/2019	
		Minggu Epid 17 (19 April – 25 April 2020)		Minggu Epid 16 (12 April – 18 April 2020)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	0	0	0	0	18	0	160	0
2	Kedah	8	0	9	0	347	0	704	2
3	P. Pinang	6	0	4	0	322	1	2,377	8
4	Perak	76	0	62	0	1,281	1	1,178	2
5	Selangor	626	0	596	2	23,402	25	25,095	20
6	WP KL & Putrajaya	198	0	151	0	3,243	4	4,077	1
7	N. Sembilan	58	0	54	0	880	2	855	4
8	Melaka	38	0	29	0	743	4	689	4
9	Johor	163	0	123	1	3,242	11	3,395	10
10	Pahang	28	0	37	0	978	2	421	4
11	Terengganu	6	0	4	0	113	0	281	0
12	Kelantan	30	0	33	0	1,449	2	1,322	2
13	Sarawak	23	0	20	0	905	2	540	0
14	Sabah	41	1	50	0	2,075	10	1,954	10
15	WP Labuan	0	0	0	0	4	0	17	0
	MALAYSIA	1,301	1	1,172	3	39,002	64	43,065	67

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 17/2020
(19 April hingga 25 April 2020)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	H/Selangor	Apt Kenanga Tbr Bb	104	171
2	SELANGOR	H/Selangor	Apt Teratai Tbr Bb	113	139
3	SELANGOR	H/Langat	Jln Kp 7-10 Tmn Kajang Perdana	25	118
4	SELANGOR	H/Langat	Jln Pahlawan Bandar Mahkota Cheras	63	103
5	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 8 Mentari Court	26	101
6	SELANGOR	K/Langat	Taman Seri Medan	44	98
7	WPKL	Cheras	Tmn Cheras - JlnSelasih,Bawang,Pelaga,SeraiWangi&Sw1-3	17	82
8	SELANGOR	Petaling	Sri Pju 1a Pprt B : Blok D,E,F	21	82
9	SELANGOR	H/Selangor	Apt Anggerik Tbr Bb	21	80
10	SELANGOR	H/Selangor	Apt Seri Kembangan Bb	21	79
11	SELANGOR	Klang	Sek 32 (Apartment Rimau Indah)	25	78
12	SELANGOR	H/Langat	Jln Bm 6/B Bandar Bukit Mahkota	37	73
13	SELANGOR	Klang	Pangsapuri Palma	17	69
14	SELANGOR	Petaling	Sek 19 (Teres C : Jln 19/8 - 19/14d)	10	69
15	SELANGOR	Klang	Kampung Idaman 02	24	67
16	SELANGOR	Petaling	Bt 13 Kg Tengah	23	64
17	SELANGOR	Petaling	Sek U3 (P/puri Daisy C : Blok 9 - 13)	12	61
18	SELANGOR	Klang	Taman Millenium Sentosa	15	60
19	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara (Jln Bk 2)	14	59
20	SELANGOR	Klang	Flat Jalan Batu Nilam 15	17	58
21	PERAK	Kinta	Kg Chepor Tambahan	19	58
22	SELANGOR	Gombak	Tmn Garing Permai	26	57
23	SELANGOR	H/Langat	Jln Bm 6/D Bandar Bukit Mahkota	16	54
24	SELANGOR	H/Selangor	Taman Cempaka	40	51
25	SELANGOR	Klang	Taman Maznah 03	9	50
26	SELANGOR	Petaling	Seksyen 8 (Flat B : Blok 11 - 22)	7	49
27	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 (Pangsapuri Perdana)	55	49

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
28	SELANGOR	Petaling	Tmn Sri Puchong	17	48
29	SELANGOR	Klang	Off Jalan Meru Jalan Muda 01	15	47
30	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 4)	6	46
31	PERAK	Kinta	Kg Das Tambahan 2	27	46
32	SELANGOR	Petaling	Sek 11 (Teres A : Jln 11/1 - 11/3)	16	45
33	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Teres C : Jln 7/10 - 7/22)	14	44
34	SELANGOR	Petaling	Sek 23 (Teres A : Jln 23/6 - 23/12)	15	44
35	N SEMBILAN	Seremban	Taman Seremban Jaya Fasa 10	9	44
36	WPKL	Titivangsa	Pa Desa Rejang (Blok G,H,J,K)	13	43
37	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Utama (Jln Pu 2)	7	42
38	SELANGOR	Klang	Taman Bunga Melor 01	6	41
39	SELANGOR	Klang	Taman Sentosa Perdana 05	14	41
40	SELANGOR	Petaling	Sek 20 (Teres A : Jln 20/2 - 20/6)	7	41
41	N SEMBILAN	Seremban	Tmn Desa Anggerik (Jln. Bbn 9/3)	8	41
42	SELANGOR	Petaling	Bdr Puteri 11 (Puteri Bayu Apt)	5	40
43	WPKL	L/Pantai	The Leafz Residence	7	39
44	SELANGOR	Petaling	Pjs 2c Apt Medan Cahaya (Blk A-H)	4	37
45	SELANGOR	Petaling	Sek 18 (Kwarters Guru : Jln 18/7)	11	37
46	SELANGOR	Petaling	Seksyen 8 (Flat A : Blok 1 - 10)	4	36
47	WPKL	Titivangsa	Pa Desa Rejang (Blok A,B,C,D)	42	34
48	WPKL	Cheras	Tmn Jaya B (Jln 5,6,7,8 & Lrg 5,6,7,8,9)	5	34
49	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara 5 (Jln Bk 5/1 - 5/8)	7	34
50	SABAH	Tawau	Ju44 Kampung Baru Pasir Putih	9	34
51	JOHOR	J/Bharu	Tmn Sri Putra	8	33
52	SELANGOR	K/Langat	Taman Langat Murni	6	33
53	SELANGOR	Gombak	Tmn Kuang Raya	6	33
54	SELANGOR	H/Selangor	Lokaliti 3 Bdr Baru Btg Kali	8	32
55	PERAK	Kinta	Kg Tersusun Bt 10,Jln Kk	25	32
56	MELAKA	M/Tengah	Tmn Tanjung Minyak Perdana (Jln Zuhail, Jln Cahaya)	44	32
57	WPKL	Titivangsa	Jalan Jelatek (Suria Jelatek)	5	31

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
58	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara 1 (Jln 1)	6	31
59	SELANGOR	Petaling	Bdr Bkt Puchong Bp 2	14	31
60	SELANGOR	Klang	Kg Jawa Jln Raja Jumaat	8	31
61	SABAH	Sandakan	Kampung Sundang Laut	4	31

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI
SEHINGGA MINGGU 17/2020 (25 April 2020)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1	Perlis	-	-	-
2	Kedah	Kuala Muda Sik Kota Setar Baling Pendang Yan	3 2 1 1 1 1	9
3	P. Pinang	Barat Daya Timur Laut Seberang Perai Tengah	25 5 1	31
4	Perak	Larut, Matang & Selama Kampar Batang Padang Kuala Kangsar Kinta Manjung Kerian Hulu Perak	109 144 59 14 26 12 1 2	367
5	Selangor	Petaling	2	2
6	WPKL & P	Kepong	1	1
7	N. Sembilan	-	-	-
8	Melaka	-	-	-
9	Johor	-	-	-
10	Pahang	Bera	1	1
11	Terengganu	-	-	-
12	Kelantan	Tumpat Bachok Kota Bharu Kuala Krai Tanah Merah	6 5 5 1 1	18
13	Sarawak	-	-	-
14	Sabah	Kota Kinabalu	1	1
15	WP Labuan	-	-	-
JUMLAH KUMULATIF			430	